

**Agihan Zakat Komprehensif Terhadap Mangsa Bencana di Negeri Kedah:  
Penanda Arasan Klasik dan Keperluan Kontemporari**  
**(Comprehensive Zakat Distribution to Disaster Victims in the State of Kedah:  
Classic Benchmarks and Contemporary Needs)**

**Mohd Akram Dahaman@Dahlan**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),  
06010 Malaysia. [akram@uum.edu.my](mailto:akram@uum.edu.my).

**Muhammad Amar bin Mahmad**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),  
06010 Malaysia. [m.amar@uum.edu.my](mailto:m.amar@uum.edu.my)

**Solahuddin bin Abdul Hamid**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),  
06010 Malaysia. [solah@uum.edu.my](mailto:solah@uum.edu.my)

**Mohamad Khadafi bin Hj. Rofie**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),  
06010 Malaysia. [khadafi@uum.edu.my](mailto:khadafi@uum.edu.my)

*Article  
Progress:*

*Submission date:*

*01-12-2023*

*Accepted date:*

*20-12-2023*

**ABSTRACT**

*Malaysia in general and the state of Kedah in particular are often hit by various natural disasters such as floods, storms as well as fires and other disasters involving the Muslim community. A disaster is an event that causes disruption to community activities and state affairs, involving loss of life, property damage, economic loss and environmental destruction beyond the community's ability to cope. This requires extensive resource mobilization. For the state of Kedah, only two groups of asnaf, the poor and the poor, are allocated the share of zakat involving disasters such as fire, storm and flood. The main goal of this study is to identify the type of assistance provided by the Kedah State Zakat Board (LZNK) to disaster victims in the state of Kedah, then examine the position of disaster-related zakat distribution based on classic benchmarks and contemporary needs in the state of Kedah and finally suggest a form of model Comprehensive distribution of zakat to disaster victims in the state of Kedah. In order to obtain data related to the objective of the study, several methods are used in accordance with the data habits of the qualitative research type. Library methods are used to obtain the views of Islamic scholars regarding zakat that can be given to the community due to disasters. While the interview method was used to obtain the premier data in this study. Interviews involved disaster-related agencies such as LZNK, NADMA/APM of the state of Kedah and the Department of Social Welfare of the State of Kedah (JKM). For library data, descriptive, inductive and deductive thematic analysis methods are used. As for the interview data, the analysis was done using the Nvivo 11 application. The results of the study show*

*that past and contemporary scholars have expressed some views about the parties involved in the disaster to be distributed from the sources of zakat. There are 5 groups among the specified asnaf zakat, namely the poor, the poor, al-Gharimun, Ibn al-Sabil and Muallafah Qulubuhum. For LZNK, it is suggested that disaster victims be given zakat assistance by expanding to asnaf other than the poor and needy such as al-Gharimun, Ibn al-Sabil and Muallafah Qulubuhum involving disaster victims during the disaster and immediately after the disaster.*

**Keywords:** *Comprehensive Distribution, Zakat, Disaster Victims, Kedah State Zakat Board (LZNK).*

## PENDAHULUAN

Agihan terhadap zakat daripada masyarakat Islam merupakan teras utama dalam pengurusan zakat di samping kutipannya. Agihan ini secara asasnya melibatkan lapan asnaf seperti yang telah dijelaskan di dalam al-Quran iaitu Fakir, Miskin, *al-'Amilin*, *Muallafah Qulubuhum*, *al-Riqab*, *al-Gharimun*, *Sabilillah* dan *Ibn al-Sabil* (Yusuf al-Qaradawi, 1996). Berdasarkan asnaf yang telah ditetapkan tersebut, didapati terdapat satu unsur yang jelas dikongsi oleh semua golongan tersebut terhadap peranan zakat iaitu meringankan beban yang ditanggung pihak yang memerlukan bantuan (Wahbah al-Zuhaily, 2005).

Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1998) di dalam *Zad al-Ma'ad* menjelaskan tentang keberadaan 8 kelompok ini adalah disebabkan oleh:

- a) Kelompok yang mengambilnya dengan sebab keperluan hidup seperti golongan fakir, miskin, *al-Riqab* dan *Ibn al-Sabil*. Mereka mengambil bahagian zakat mengikut kadar keperluan masing-masing.
- b) Kelompok yang mengambil zakat untuk manfaatnya seperti golongan *al-'Amilin*, *Muallafah Qulubuhum*, *al-Gharimin* dan *Sabilillah*. Sekiranya tiada keperluan untuk mengambilnya dan tidak pula mendatangkan manfaat kepada kehidupan masyarakat Islam, tiada bahagian zakat ini untuk mereka.

Dalam konteks mangsa bencana, unsur meringankan beban atas keperluan hidup telah dibincangkan oleh ulama klasik sebagai indikator agihan zakat yang boleh dijadikan penanda aras. Selari dengan keperluan dan realiti semasa, terdapat ulama kontemporari yang telah mengembangkan indikator tersebut sebagai manifestasi kepada konsep meringankan beban.

Bencana ditakrifkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya. Perkara ini memerlukan tindakan penggembangan sumber yang ekstensif.

Tambahan pula, sepanjang tempoh dari tahun 2013 sehingga 2018, pelbagai jenis bencana yang berlaku iaitu tanah runtuh, taufan atau angin kencang, banjir dan banjir kilat di negeri Kedah. Bagi negeri Kedah, kawasan yang terlibat dengan bencana sepanjang tempoh tersebut meliputi beberapa bahagian iaitu Baling, Bandar Baharu, Padang Terap dan Yan. (NADMA, 2018).

Dalam konteks pentadbiran zakat bagi setiap negeri di Malaysia, hanya terdapat beberapa negeri sahaja yang telah mengkategorikan mangsa bencana sebagai penerima zakat di bawah skim bantuan disebabkan bencana. Dari sudut kelompok asnaf yang diletakkan oleh negeri terhadap skim-skim bantuan terhadap mangsa bencana, semua negeri ini menetapkan beberapa jenis bencana seperti kebakaran, ribut, banjir sebagai jenis bencana yang diberikan peruntukan bahagian daripada asnaf fakir, miskin, al-gharimin dan fi sabilillah. Manakala bagi negeri Kedah, hanya dua kelompok asnaf iaitu fakir dan miskin diperuntukkan bahagian zakat melibatkan bencana-bencana seperti kebakaran, ribut dan banjir.

Berdasarkan penjelasan di atas, terdapat hubungan signifikan yang perlu dimainkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam membantu mangsa-mangsa bencana di negeri Kedah. Perkara ini sangat perlu bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat di negeri Kedah secara khusus dan masyarakat Islam di Malaysia umumnya untuk menunaikan tuntutan zakat dalam pelbagai jenis lantas dapat meningkatkan kutipan zakat tahunan.

Oleh itu satu kajian yang holistik perlu dilakukan bagi mendapat penanda arasan baharu untuk membentuk asas agihan zakat yang komprehensif kepada mangsa bencana.

## SOROTAN KARYA

Secara umumnya penulisan tentang zakat dalam Islam dan di Malaysia melibatkan pengurusan institusi, hukum-hukum fiqh zakat, kutipan dan agihan zakat adalah sangat banyak. Namun begitu, berdasarkan penelitian yang dilakukan, tidak banyak malah boleh dikatakan sangat sedikit kajian yang dilakukan berkaitan zakat dan bencana. Berdasarkan sorotan karya berkaitan dengan skop kajian ini, didapati terdapat beberapa artikel yang berasaskan penyelidikan menjurus kepada perbahasan berkaitan zakat dan bencana sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Yusuf al-Qaradawi (1973) di dalam *Fiqh al-Zakah* telah mengutarakan beberapa inisiatif baharu pengagihan zakat yang berlatarbelakangkan bencana daripada beberapa asnaf zakat antaranya *al-Gharimin* dan *Ibn al-Sabil*. al-Qaradawi mencadangkan zakat diagihkan daripada golongan *al-Gharimin* dalam konteks mangsa bencana alam sebagaimana yang jelas di dalam hadith Qabisah. Manakala *Ibn al-Sabil* pula diambil dalam konteks mangsa pelarian yang mencari tempat perlindungan daripada bahaya.

Penumpuan banyak dilakukan oleh pengkaji di Malaysia tentang agihan zakat kepada mangsa yang terlibat dengan bencana banjir. Siti Fariza (2015) mengemukakan penemuannya dalam satu artikel bertajuk “Kedudukan Mangsa Banjir Sebagai Penerima Zakat Dan Cadangan Pengaplikasiannya di Malaysia” sebagai langkah untuk memberi input kepada institusi zakat negeri memasukkan mangsa bencana banjir sebagai penerima zakat. Kajian oleh Siti Fariza (2015) juga telah mengemukakan beberapa bentuk cadangan dalam membuat penentuan kadar bantuan kepada mangsa bencana banjir di dalam artikel bertajuk “Agihan Zakat Mangsa Banjir: Kaedah Fiqh Dan Penentuan Kadar Bantuan”. Di dalam artikel yang lain, Siti Fazira M.F, Hasanah A.K., Irwan M.S. & Azman A.R. (2016) telah memperincikan penggunaan kaedah fiqh yang digunakan dalam konteks agihan zakat kepada mangsa banjir dalam artikel bertajuk “Aplikasi Kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha Dalam Agihan Zakat Untuk Mangsa Banjir”.

Artikel yang ditulis oleh Mohd Anuar, Habibah Abdul Wahid, Mohammad Naqib Hamdan dan Muhammad Izzul (2017) bertajuk “Golongan Mangsa Banjir di Malaysia: Antara Perluasan

Tafsiran Asnaf Fi-sabillah dan Ibn al-Sabil” telah menumpukan kajian zakat dan bencana banjir dalam memberi tafsiran yang lebih luas kepada agihan asnaf fi sabillah dan ibn sabil. Mohd Anuar (2015) juga sebelumnya telah mengemukakan beberapa cadangan awal dalam membuat penentuan asnaf zakat kepada mangsa banjir di dalam artikel bertajuk “Penentuan Asnaf Zakat Kepada Mangsa Banjir Di Malaysia: Satu Cadangan”.

Mohd Noor Daud & Halim Ismail (2017) di dalam artikel bertajuk “Agihan Zakat Terhadap Asnaf Al-Għarimin Menurut Pandangan Ulama dan Amalan Masa Kini” telah menyentuh isu bencana banjir yang berlaku di Malaysia sebagai salah satu pihak yang dikategorikan sebagai al-Għarimun di dalam asnaf penerima zakat.

Mohd Izzuddin bin Mohd Noor *et.al.* (2018) di dalam artikel bertajuk **أحكام العبادات الخاصة** **باللتضرر من الفيضانات: دراسة فقهية تحليلية** membawa perbincangan fekah bagi mangsa bencana banjir secara khusus melibatkan ibadat seperti bersuci, solat dan juga zakat. Kesimpulan yang dibuat adalah keharusan mengagihkan zakat kepada mangsa bencana banjir dengan beberapa kriteria antaranya kemusnahan penuh atau sebahagian harta yang dimiliki seseorang mangsa sehingga tidak lagi mampu memenuhi keperluan keluarganya.

Jelas daripada sorotan karya di atas menunjukkan kajian berkaitan zakat dan bencana banyak difokuskan kepada bencana banjir, sedangkan jenis bencana yang berlaku di Malaysia masih banyak sepetimana yang telah disenaraikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA) seperti banjir, banjir kilat, *Chemical, Biological, Radiological, and Nuclear* (CBRN), gempa bumi, jerebu, kemarau, letusan gunung berapi, kebakaran hutan, pencemaran gas, pencemaran radioaktif, ribut, runtuhan bangunan, tanah runtuh, taufan dan tsunami. Malah penularan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal atau pandemik adalah termasuk di dalam kategori bencana oleh NADMA.

Dengan perkembangan terbaru selepas bencana besar berlaku kepada dunia pada tahun 2019 iaitu penyebaran Covid-19 sehingga berlaku pandemik, terdapat beberapa artikel yang menyentuh perkara tersebut dalam konteks peranan badan zakat dan agihan zakat kepada mangsa bencana tersebut.

Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor (2020) di dalam karya suntingan bertajuk “Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran COVID-19” telah mengetengahkan satu bab berkaitan peranan agensi mengurus zakat (AMZ) di Malaysia dalam berdepan dengan isu Covid-19. Isu yang diangkat yang berkaitan dengan agihan pihak berkeperluan antaranya yang membabitkan golongan B40 semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

Fathullah Asni (2021) di dalam artikel bertajuk “Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat oleh MAIPs Ketika Covid-19 di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian” mengetengahkan peranan institusi zakat khususnya MAIPs mengagihkan zakat dalam bentuk bantuan kepada golongan yang terjejas ketika pandemik Covid 19 melanda. Beberapa asnaf zakat seperti al-Għarimun dinyatakan sebagai asas kepada pengagihan zakat kepada pihak yang terjejas tersebut.

Nurfitriyah Salihah Shaharin, Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof & Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2021) di dalam artikel bertajuk “Analisis Agihan Zakat di Lembaga Zakat Selangor Semasa Pandemik Covid-19” telah menyatakan bahawa krisis penularan pandemik COVID-19 telah menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi apabila ramai individu hilang punca pendapatan, diberhentikan kerja, dan perniagaan didapati merosot sehingga menyebabkan

pendapatan isi rumah tidak stabil. Asnaf fakir, miskin dan muallaf dikategori kan sebagai asnaf muqaddam dalam konteks pandemik Covid 19 sebagaimana yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Selangor.

Dari sudut perlaksanaan agihan zakat komprehensif terhadap mangsa bencana, kajian-kajian lepas boleh dijadikan asas kepada pelebaran garis panduan yang bukan sahaja melibatkan bencana banjir semata-mata tetapi dapat dikembangkan dan dilebarkan kepada keseluruhan jenis bencana yang sedia wujud dan mungkin akan wujud di Malaysia. Malah bukan sahaja melibatkan satu kelompok asnaf zakat sahaja, boleh dikembangkan kepada kelompok yang lain pada ketika sesuatu bencana menimpa seseorang individu.

Kesimpulannya menunjukkan keperluan satu bentuk agihan zakat secara komprehensif terhadap mangsa bencana di negeri Kedah adalah mendesak, malah perlu dikembangkan kepada pelbagai jenis bencana seperti mana yang ada di dalam kategori bencana oleh NADMA. Perkara ini bagi memberi input yang berasaskan data-data saintifik dan empirikel kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah bagi membina dasar baharu untuk pembangunan institusi zakat di Kedah sama ada melibatkan dasar dalaman Lembaga Zakat, fatwa rasmi negeri Kedah, malah boleh membabitkan juga dasar kerajaan negeri Kedah sendiri.

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini. Bagi tujuan kutipan data, dua kaedah digunakan iaitu kaedah perpustakaan dan temubual secara separuh berstuktur.

a) Kaedah Perpustakaan

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan pandangan sarjana Islam berkaitan zakat yang boleh diberikan kepada masyarakat disebabkan bencana yang menimpa. Terdapat perbahasan dalam kalangan ulama tentang hal ini yang perlu disemak dari sudut pendalilan, penghujahan dan kekuatan keduanya. Pandangan-pandangan sarjana Islam kontemporari juga perlu untuk disemak bagi mendapatkan fatwa-fatwa baharu dan kontemporari berkaitan hal ini sama ada di luar negara maupun di dalam negara. Fatwa-fatwa rasmi berkaitan zakat bencana dan skim-skim yang telah diputuskan oleh badan berautoriti fatwa negeri seluruh Malaysia juga perlu disemak. Perkara ini bagi mengenalpasti kedudukan sebenarnya sumbangan zakat terhadap mangsa bencana melibatkan pelbagai aspek seperti jenis sumbangan, jenis asnaf dan lain-lain. Bahan bercetak daripada semua pihak yang terlibat di dalam kajian ini sama ada LZNK, APM, NADMA dan JKM seperti pamphlet, buku kecil dan garis panduan juga diambil serta digunakan bagi mendapatkan data. Hal ini penting untuk mendapatkan gambaran jelas tentang pelaksanaan bantuan kepada mangsa bencana oleh pihak yang terlibat.

b) Kaedah Temubual

Merupakan kaedah yang utama bagi mendapatkan data-data premier di dalam kajian ini. Temubual melibatkan agensi berkaitan bencana seperti LZNK, NADMA/APM negeri Kedah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah (JKM). Informan yang terlibat di dalam sesi temubual adalah dalam kalangan kakitangan yang mempunyai akses secara langsung dengan aktiviti bantuan bencana khususnya di negeri Kedah. Di pihak LZNK, pegawai di Bahagian Pembangunan Asnaf, Bahagian Ekonomi Asnaf, Bahagian Latihan dan Bahagian Kutipan menyertai temubual. Di pihak NADMA/APM pula, Pegawai Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Pegawai Operasi Pengurusan Bencana menyertai temubual, manakala JKM diwakili oleh seorang pegawai.

Semua soalan dibina berdasarkan objektif yang telah ditetapkan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran menyeluruh berkaitan jenis bencana di negeri Kedah, jenis bantuan terhadap mangsa bencana dan perancangan penambahbaikan agensi terbabit dalam memastikan keperluan mangsa bencana dipenuhi.

Bagi tujuan analisis data daripada bahan perpustakaan dan bahan temubual, beberapa kaedah dan aplikasi diterapkan.

- a) Untuk data perpustakaan, kaedah analisis tematik berbentuk deskriptif, induktif dan deduktif digunakan. Kaedah analisis ini diambil adalah bersesuaian dengan tujuan meneliti kedudukan agihan zakat berkaitan bencana berdasarkan penandaaran klasik melibatkan pandangan fekah oleh sarjana Islam di dalam kitab muktabar, juga pandangan ulama kontemporari yang mempunyai ulasan berbeza berdasarkan realiti semasa berkaitan agihan zakat terhadap mangsa bencana.
- b) Manakala data temubual, analisis yang dilakukan adalah menggunakan aplikasi Nvivo 11. Aplikasi ini dipilih kerana sesuai dengan data kualitatif yang telah dikutip dan objektif membentuk model yang perlu dibentuk melalui maklumat yang disusun daripada temubual yang dilakukan.

Hasil ini menampakkan pola yang sebenarnya berkaitan agihan zakat kepada mangsa bencana. Melalui data yang diperolehi mampu menjadi asas kepada pembentukan satu asas agihan zakat komprehensif kepada mangsa bencana di negeri Kedah.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### PENANDA ARASAN KLASIK DAN KEPERLUAN KONTEMPORARI

Berdasarkan penelitian daripada perbincangan para sarjana Islam sama ada klasik mahupun kontemporari, terdapat 4 golongan dalam kalangan asnaf zakat yang dimasukkan mewakili mangsa bencana berdasarkan keperluan mendesak semasa bencana dan selepas bencana. Golongan yang terbabit ialah: Fakir dan Miskin, al-Gharimun, Ibn al-Sabil dan Muallafah Qulubuhum.

- i. Fakir dan Miskin

Menurut bahasa: Perkataan fakir diambil daripada perkataan arab iaitu فقير. Menurut Ibn Manzur, perkataan faqir berasal daripada *faqura*, *al-faqru* yang bermaksud, lawan bagi kekayaan (Ibn Manzur, 1996).

Beberapa orang sarjana dan agensi mengurus zakat lokal dan antarabangsa memberi takrifan golongan ini antaranya:

- a) Menurut Yusuf al-Qaradawi (1977), fakir ialah mereka yang dalam kekurangan dan sangat memerlukan. al-Tabari menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan fakir adalah orang yang memerlukan tetapi dapat menjaga diri dan tidak meminta-minta (Tafsir at-Tabari, t.th)
- b) Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Nasihat Kerajaan Arab Saudi mentakrifkan fakir ialah orang yang memerlukan bantuan dimana pendapatan yang

mereka perolehi tidak cukup untuk menampung keperluan asas mereka mengikut kebiasaan masyarakat tertentu (Normala Rabu, 2011).

- c) Tafsiran fakir menurut LZNK adalah Fakir ialah orang yang amat sengsara hidupnya, tidak mempunyai harta dan tenaga untuk memenuhi penghidupannya.

Kemiskinan telah menjadi isu ekonomi, sosial, dan politik di seluruh dunia terutamanya di negara-negara membangun dan dunia ketiga termasuk negara-negara Islam (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu [PBB], 2012). Secara amnya, kemiskinan diukur dalam segi kewangan iaitu berdasarkan tahap pendapatan atau penggunaan per kapita atau setiap isi rumah. Bank Dunia telah menetapkan garis kemiskinan antarabangsa pada USD1.25 sehari berbanding USD1 sehari, berdasarkan pariti kuasa beli (Bank Dunia, 2013). Berdasarkan angka baru ini, disarankan bahawa mereka yang memperoleh kurang dari USD1.25 sehari dikategorikan dalam kemiskinan mutlak.

Di Malaysia, kategori miskin umumnya dikenalpasti berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sepertimana yang terdapat di dalam Jadual 1.1. Islam mentakrifkan kemiskinan berdasarkan kegagalan individu untuk memenuhi salah satu daripada lima keperluan asas kehidupan manusia berdasarkan *Maqasid Syariah* (Hassan, 2010) iaitu agama, diri, pengetahuan, maruah dan kekayaan.

Jadual 1.1

*Pendapatan Garis Kemiskinan*

Wilayah	Miskin (RM)		Miskin Tegar (RM)	
	Per Isi Rumah	Perkapita	Per Isi Rumah	Perkapita
Semenanjung	960	244	604	151
Sabah & Labuan	1,180	259	722	154
Sarawak	1,020	255	681	167

Sumber: Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), 2016

Dalam konteks mangsa bencana, individu yang sudah berada di dalam golongan fakir dan miskin sememangnya layak untuk diberikan bantuan bencana daripada asnaf fakir dan miskin ini.

Namun begitu, terdapat juga beberapa keadaan yang seseorang individu adalah perlu untuk dimasukkan di bawah asnaf ini walaupun tiada lagi data atau maklumat di pihak agensi mengurus zakat. Sebagai contohnya menurut Mohd Izzuddin bin Mohd Noor *et.al.* (2018);

- a) Sekiranya telah rosak sebahagian harta mangsa bencana, mangsa tersebut adalah boleh digolongkan dalam asnaf fakir atau miskin.
- b) Sekiranya telah rosak semua hartanya ataupun sebahagian hartanya dalam keadaan tidak dapat memberi kecukupan asasi kepada diri dan keluarganya. Keadaan ini jelas untuk digolongkan mangsa bencana di dalam asnaf fakir dan miskin.

Hal ini adalah disebabkan kemudataran yang menimpa mangsa bencana perlu dihilangkan agar mereka dapat hidup seperti sedia kala.

ii. al-Gharimun

Menurut bahasa: Perkataan *al-Gharimun* merupakan kata majmuk bagi *al-gharim* yang bermaksud orang yang berhutang atau penghutang. Ia berasal daripada kata kerja *gharima*, *yaghramu*, *gharman* yang bermaksud: berhutang, manakala *al-ghurm* pula bermaksud: hutang

(*al-dayn*) (Ibn Manzur, 1996) Menurut ulama semasa seperti al-Qaradawi dan al-Zuhayli juga membincangkan tentang definisi *al-gharimin*. Beberapa definisi fakir dari sudut kontemporari:

Golongan ini terdiri daripada orang yang mempunyai hutang untuk kemaslahatan dirinya sendiri seperti nafkah, membeli pakaian, melaksanakan perkahwinan, mengubati orang sakit, mendirikan rumah, membeli perabot rumah tangga, mengahwinkan anak atau menggantikan barang lain yang rosak atas sebab kesalahan, lupa atau sepertinya (al-Qaradawi, 2007).

Wahbah al-Zuhayli (1991) juga menjelaskan golongan *al-Gharimun* merujuk kepada individu berhutang untuk kegunaan dirinya sendiri dengan syarat bukan pada perkara maksiat dan juga bukan atas dasar pembaziran, dan dia tidak memiliki harta untuk melangsangkan hutang itu. Ia juga merujuk kepada individu yang berhutang untuk menyelesaikan konflik, walaupun dia seorang yang kaya seperti membantu membayar diyyat, membantu orang lain yang memerlukan wang atau membantu mangsa rompakan.

Menurut pandangan Al-Khin (2005) *al-Gharimun* ialah mereka yang dibebani hutang dan tidak mampu melunaskannya. Mereka diberikan harta zakat yang mencukupi untuk melunaskan hutang yang telah sampai tempohnya dan menampung keperluan makan minum, pakaian dan tempat tinggal dengan syarat mereka berhutang untuk tujuan yang halal. Termasuk juga golongan orang yang berhutang untuk menyelesaikan persengketaan antara dua pihak.

Mufti Wilayah Persekutuan dalam Irsyad Al-Fatwa ke-14 mengeluarkan hukum memberi zakat kepada mangsa bencana alam bersandarkan pendapat mujahid yang berpendapat bahawa golongan ini termasuk dalam kategori *al-gharimin* ialah, “seseorang yang hartanya rosak kerana banjir, juga rosak kerana terbakar dan seseorang yang mempunyai ahli keluarga tetapi dia tidak memiliki harta, lalu dia berhutang untuk memberi nafkah kepada ahli keluarganya”.

al-Azim al-Abadi (1979) menyatakan, “Siapa yang ditimpa hartanya dengan sebab kebinasaan dari langit atau bumi seperti kesejukan air batu, tenggelam dan seumpamanya yang menyebabkan tiada lagi baginya barang untuk hidup maka haruslah baginya meminta sehingga dapat menyelesaikan kehidupannya semula.

Yusuf al-Qaradawi dalam fatwanya berkata: “Aku khususkan yang mengenai sifat *al-gharimin* bagi golongan yang terkena bencana alam sehingga binasa harta bendanya dan terpaksa kepada berhutang maka hukumnya dibolehkan.”

Begitu juga dengan Dr. Husamuddin bin Musa ‘Iffanah, Professor Fiqh dan usul dari Universiti al-Quds, Palestin yang menyatakan hukumnya adalah harus diberikan kepada golongan seperti ini. [Irsyad Al-Fatwa ke 14 <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyadfatwa/irsyad-fatwahumum/2054-14>].

Berdasarkan kepada tafsiran di atas, *gharim* yang layak mendapat bantuan zakat terdiri daripada empat kategori:

- a. Individu yang berhutang untuk keperluan diri dan tangungannya. Hal ini berdasarkan dalil dari Anas bin Malik melaporkan, Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya: “Permohonan bantuan zakat tidak dibenarkan melainkan salah satu daripada tiga golongan iaitu orang fakir yang sangat memerlukan, orang berhutang yang tidak mampu membayar hutangnya dan orang yang menanggung kos bayaran diyyat” (Ahmad bin Hanbal, 1998; Abu Daud, 2009; Tirmizi, 1994; Ibn Majah, 1984).

- b. Individu yang berhutang untuk keperluan masyarakat umum. Dalilnya ialah berdasarkan kisah Qabisah bin Mukhariq al-Hilali berkata “Saya pernah menanggung kos membayar diyat bagi menyelesaikan satu konflik, lalu saya bertemu dengan Rasulullah SAW bertanyakan dal tersebut dan baginda bersabda: Maksudnya: “Kemukakan bukti kepada kami dan kami akan membantu kamu dengan harta zakat. Orang yg meminta bantuan zakat tidak layak dibantu melainkan tiga golongan: Pertama, seorang yang menanggung satu tanggungan (seperti membayar diyat pihak yang berkonflik ata menanggung ganti rugi daripda konflik), maka dia layak meminta bantuan zakat sehingga dia dapat menyelesaikan tanggungan itu, jika telah selesai maka dia tidak layak lagi meminta bantuan zakat. Kedua, seorang yang ditimpa wabak penyakit sehingga habis hartanya, maka dia layak meminta bantuan zakat, sehingga mencukupi keperluan hidupnya. Ketiga, seorang yang ditimpa bencana, sehingga ada tiga orang dalam kalangan kaumnya mengatakan dia ditimpa bencana, maka dia layak meminta bantuan zakat, sehingga mencukupi keperluan hidupnya. Selain daripada itu, wahai Qabisah! Harta zakat yang digunakan adalah haram” (Muslim, 1983).
- c. Individu yang menjadi penjamin. Antaranya ialah riwayat daripada Abu Umamah yang melaporkan bahawa dia mendengar Nabi SAW bersabda dalam khutbahnya semasa Haji Wada': Maksudnya: “Barang yang diamanahkan perlu dikembalikan kepada tuannya. Orang yang menjadi penjamin perlu bertanggungjawab menanggu apa yang dijamin. Hutang perlu dibayar.” (Tirmizi, 1994).

Pada masa kini, skim pinjaman lazimnya memerlukan penjamin sekurang-kurangnya seorang. Dalam hal ini, seorang penjamin boleh terjadi dalam empat keadaan;

- a. Penjamin dan peminjam kedua-duanya miskin
- b. Penjamin dan peminjam kedua-duanya berkemampuan
- c. Penjamin seorang yang miskin manakala peminjam seorang yang kaya
- d. Penjamin seorang kaya manakala peminjam golongan susah. Berdasarkan pembahagian di atas, penjamin bilangan 1 dan 3 sahaja yang boleh diper timbangkan mendapat bantuan daripada agihan al-gharimin (Tarimin: 2005).
- e. Individu yang ditimpa musibah seperti bencana alam.

Sebahagian ulama mensyaratkan jenis hutang ini adalah yang bersifat darurat dan keperluan dan bukan untuk kemewahan atau berfoya-foya. Dalam hadis Qabisah bin al-Mukharik yang disebut di atas, diriwayatkan Imam Ahmad dan Muslim, bahawa Nabi SAW membolehkan orang yang mengalami bencana di dalam hartanya meminta kepada penguasa bahagian zakatnya sehingga dia mempunyai kekuatan untuk menutupi keperluan hidupnya (al-Qaradawi, 2000). Oleh kerana itulah harus diberi zakat kepada golongan yang terkena mudarat atau bencana sama ada banjir besar, puting beliung, tanah runtuh, gempa bumi dan lain-lain yang menyebabkan rumah mereka musnah, tanaman mereka binasa dan tidak ada lagi apa-apa ang mereka miliki. Mereka boleh dikategorikan sebagai golongan al-gharimin yang berhak menerima zakat.

### iii. Ibn al-Sabil

Perkataan *ibn* brmaksud anak (Ibn Manzur, 1996), manakala *al-Sabil* bermaksud jalan (Ibn Manzur, 1996). Oleh itu, *Ibn al-Sabil* dapat disertikan sebagai anak jalan. Ia merupakan satu bentuk kiasan yang digunakan bagi orang yang sentiasa bermusafir atau kerap merantau kerana kelazimannya orang perantau sentiasa berada di jalanan (Ibn Manzur, 1996). Menurut al-Qaradawi, zakat tidak diberikan kepada individu yang ingin memulakan perjalanan meskipun dengan tujuan yang baik. Beliau memperincikan, ibnu sabil ialah orang yang tidak berpisah

dengan jalan yang beliau lalui, atau dimaksudkan sebagai sedang bermusafir. Beliau berpendapat, hukum *Ibn al-Sabil* berlaku setelah seseorang itu melakukan perjalanan tersebut (al-Qaradawi, 1986).

al-Uthaimin (t.t) pula memberikan pandangan, *Ibn al-Sabil* adalah melibatkan musafir yang terkandas daripada perjalannya. Zakat diberikan agar dia dapat kembali ke tanah airnya. al-'Uthaimin turut menyebut, *Ibn al-Sabil* tetap diberi zakat kepadanya walaupun dia merupakan seorang yang kaya di tanah airnya kerana pada ketika itu (dalam permusafirannya) dia memerlukan zakat. Jika terdapat seorang musafir dari Mekah ke Madinah dan semasa perjalannya, wang perbelanjaannya telah hilang dan tiada apa-apa lagi bersamanya, dia layak mendapat zakat, meskipun dia seorang yang kaya di Madinah (al-'Uthaimin, t.t).

al-Qahtani (2007) apabila menerangkan tentang asnaf *Ibn al-Sabil* di dalam kitabnya yang bertajuk *al-Zakah fi al-Islam fi Daw al-Sunnah* telah menjelaskan takrifan lebih terperinci. Beliau menyebutkan *Ibn al-Sabil* dari sudut bahasa bermaksud musafir atau orang yang banyak berada di perjalanan. Manakala dari sudut istilah, ia bererti seorang musafir yang asing dan terputus harta dan kaum keluarga di perjalanan. Dia tidak mempunyai apa-apa bekalan yang membolehkan dia pulang ke tanah airnya, walaupun jika dia seorang yang kaya di tanah airnya. Namun demikian jika sekiranya dia belum lagi memulakan perjalanan dari tanah airnya, dia tidaklah dikira termasuk dalam kategori *Ibn al-Sabil*.

Mohd Izzuddin bin Mohd Noor *et.al.* (2018) menyatakan bahawa sekiranya mangsa bencana tidak mampu untuk menggunakan wang atau harta miliknya disebabkan hartanya berada di tempat yang jauh. Pada ketika itu, mangsa tersebut adalah tergolong di dalam asnaf *Ibn al-Sabil*. Mangsa layak untuk mendapatkan bantuan daripada agihan zakat asnaf ini selagimana berada di dalam keadaan halangan tersebut.

#### iv. Muallafah Qulubuhum

Golongan muallaf adalah golongan keempat yang dinyatakan dalam ayat asnaf dalam al-Quran yang disebut sebagai *Muallafah Qulubuhum*. Walau bagaimanapun, istilah ini jarang sekali digunakan sama ada dalam penulisan ilmiah mahupun penggunaan harian oleh orang awam. Istilah yang sering digunakan ialah *mu'alaf*. Dari sudut bahasa, *mu'allaf* berasal daripada perkataan *allafa* yang mempunyai pelbagai maksud. Antaranya ialah menjadikan sesuatu angka itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu dengan yang lain dan mengarang buku (Ibn Manzur, 1996). Perkataan *qulubuhum* merupakan gabungan dua perkataan iaitu *qulub* dan *hum*. *Qulub* berasal daripada *qalaba*, *yaqliba*, *qalban*, yang bermaksud menterbalikkan atau mengubah bahagian luar ke dalam. *Qulub* ialah kata majmuk bagi *qalb* yang bermaksud, ketulan jantung yang mempunyai sambungan urat darah. Perkataan *qalb* juga boleh digunakan sebagai kiasan bagi akal. Firman Allah: "Sesungguhnya perkara tersebut merupakan peringatan bagi orang yang mempunyai *qalb* (akal)" (al-Zumar, 21). Menurut al-Marbawi, mualaf bermaksud orang yang baru (memeluk) Islam. Ia berasal daripada perkataan *alifa*, *ya'zifu*, *illfan*. *Alifahu* pula bermaksud dia suka, dia gemar atau menjinaki. Manakala *allafa* baynahum bermaksud memperkasihkan antara mereka itu (al-Marbawi, t.th: 26).

Pandangan ilmuan semasa pula secara umumnya menyimpulkan asnaf muallaf sebagai golongan yang dilembutkan atau digerakkan hatinya kepada agama Islam. Mereka cuba menggabungkan beberapa pentafsiran klasik dengan tuntutan semasa. Menurut al-Qaradawi (2000), mualaf ialah orang yang dilembutkan hatinya dengan harapan mereka akan cenderong kepada Islam atau dapat menguatkan iman atau menghentikan kejahatan mereka terhadap orang Islam. Umar

Sulayman al-Ashqar (2000) pula berpendapat, mualaf ialah mereka yang digerakkan hatinya kepada agama Islam. Mereka adalah golongan yang diberi zakat dengan tujuan memuliakan melalui pemberian atau menggembirakan diri dan keluarga mereka terhadap Islam. Selain itu Wahbah al-Zuhayli (1996) menyatakan muallaf ialah mereka yang lemah hatinya terhadap Islam dan diberikan zakat untuk menguatkan pegangan terhadap Islam.

Dalam konteks dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya, terdapat dua indikator utama keberhasilan dakwah tersebut. Pertama ialah seseorang bukan Islam memeluk Islam dan yang kedua, orang bukan Islam itu mendapat gambaran yang baik terhadap Islam.

Berkait rapat dengan mangsa bencana yang berlaku di Malaysia, mangsa yang terlibat adalah dalam kalangan umat Islam mahupun bukan Islam. Ini kerana Malaysia adalah sebuah negara yang bermasyarakat majmuk. Berdasarkan statistik terbaru populasi penduduk Malaysia secara keseluruhan ialah 32.7 juta penduduk (Jabatan Statistik Malaysia, 2020). Daripada jumlah tersebut, 69.6% adalah dalam kalangan bumiputera yang mana didominasi oleh orang Melayu beragama Islam. Selebihnya ialah kumpulan etnik cina 22.6%, India 6.8% dan lain-lain 1% yang majoriti beragama Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain (Jabatan Statistik Malaysia, 2020).

Lebih khusus lagi di negeri Kedah, berdasarkan statistik yang dikeluarkan pada tahun 2020 keseluruhan warga negeri Kedah mencapai 2.13 juta meliputi bumiputera, cina, india dan lain-lain. Melalui bancian tahun 2020, warga bumiputera diwakili oleh 79.9 %, cina sebanyak 12.4%, india 6.7% dan lain-lain sebanyak 1.0%. Perkara ini menunjukkan secara umumnya dengan mengambil kira takrifan melayu sebagai beragama Islam mewakili kelompok terbesar bumiputera, selainnya adalah sebanyak 20.1% melibatkan 447.4 ribu warga bukan bumiputera yang boleh dikelompokkan sebagai bukan Islam.



Rajah 3.3  
*Jumlah Warganegara di Kedah*  
 (Sumber: DOSM/DOSM.KEDAH/1.2020/SIRI 79, 2020)



Rajah 3.4  
*Perbezaan Pecahan Etnik antara 2010 dan 2020 di Kedah*

(Sumber: DOSM/DOSM.KEDAH/1.2020/SIRI 79, 2020)

Bertepatan dengan definisi asraf *Muallafah Qulubuhum*, masyarakat bukan Islam di Malaysia yang merupakan mangsa bencana boleh diberikan sebarang bentuk bantuan dalam rangka melunakkan hati mereka dengan Islam. Paling minimun, bantuan zakat yang diberikan dapat memberikan gambaran positif mereka terhadap Islam dan akhirnya mampu membuka menyedarkan mereka tentang Islam dan akhirnya boleh membawa mereka untuk memeluk Islam. Namun begitu, perkara ini perlu dijaga dan diselia sebaiknya oleh pihak berwenang agar kebijakan umat Islam terlebih dahulu dijaga dan diberikan hak. Oleh itu, jumlah dan jenis bantuan itu adalah tertakluk kepada kebijaksanaan pemerintah dan pihak zakat itu sendiri.

Bagi LZNK, ruang dan pelung ini boleh diambil dengan menyediakan sejumlah peruntukan daripada asraf *Muallafah Qulubuhum* dan diagihkan berdasarkan skim-skim agihan yang telah dinyatakan di dalam kelompok asraf yang terlibat dengan mangsa bencana ini. Skim-skim yang terbabit melibatkan mangsa bencana bukan Islam semasa bencana berlaku dan pasca bencana.

### **MODEL SKIM AGIHAN ZAKAT BAHARU TERHADAP MANGSA BENCANA DI NEGERI KEDAH**

Berdasarkan data yang diperolehi daripada LZNK melalui temubual yang dijalankan, jenis bantuan kepada mangsa bencana oleh LZNK hanya tertumpu kepada golongan fakir dan miskin sahaja. Jenis bantuan yang disediakan pula hanya berbentuk kit makanan bernilai RM50 dan bantuan kewangan sahaja. Bantuan kewangan tersebut meliputi bantuan sara hidup sebanyak RM300 dan pembinaan rumah bernilai RM43,000 jika rumah tersebut musnah sepenuhnya.

Agihan tersebut tidak hanya diperuntukkan berdasarkan golongan fakir dan miskin, tetapi dikembangkan kepada tiga lagi golongan di dalam asraf zakat iaitu *al-Gharimun*, *Ibn al-Sabil* dan *Muallafah Qulubuhum* sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam bab sebelum ini. Penambahbaikan juga dibuat terhadap agihan fakir dan miskin sedia ada bagi disesuaikan dengan keperluan semasa.

Seperkara lagi yang ditegaskan ialah pembahagian tempoh masa bencana kepada semasa berlaku bencana dan selepas bencana. Pembahagian ini perlu kerana keperluan mangsa bencana ketika bencana berlaku sama ada mangsa berada di kediaman mahupun di pusat pemindahan adalah berbeza dengan selepas bencana.

Manakala jenis bencana pula, secara asasnya agihan yang dicadangkan adalah meliputi semua jenis bencana yang telah dikategorikan oleh NADMA iaitu;

Bil.	Jenis Bencana
1	Bencana alam (banjir, ribut/taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar, kemarau dan tanah runtuh)
2	Bencana industri (letupan, kebakaran, pencemaran, kebocoran bahan berbahaya di kilang/loji/depot yang memproses, mengeluarkan dan menyimpan bahan ini)
3	Kemalangan melibatkan pengangkutan/penyaluran/pemindahan bahan berbahaya)
4	Keruntuhan bangunan/struktur khas
5	Kemalangan udara (yang berlaku di kawasan berpendudukan tinggi);
6	Pelanggaran/gelinciran keretapi/lain-lain sistem pengangkutan rel yang melibatkan jumlah mangsa/kemusnahan harta benda yang besar

7	Kebakaran (melibatkan kawasan yang luas termasuklah kebakaran bangunan tinggi/struktur khas yang mempunyai ramai orang)
8	Empangan/takungan air pecah
9	Kemalangan kimia, biologi, radiologi dan nuklear
10	Kejadian jerebu
11	Penularan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal/pandemik

Apabila berlaku bencana daripada mana-mana jenis ini, pihak LZNK perlu mengajukan kepada mangsa bencana mengikut keperluan mereka sama ada semasa bencana berlaku maupun selepas bencana berdasarkan model asas agihan komprehensif yang dikemukakan.

a. Fakir dan Miskin

Bagi asnaf ini, dicadangkan skim bantuan baharu semasa bencana berupa kit makanan bernilai RM150 bersesuaian dengan peningkatan harga barang keperluan harian di Malaysia. Manakala selepas bencana, bantuan sara hidup dinaikkan kepada RM500 dan bantuan pembinaan rumah yang telah rosak dinaikkan kepada RM60000.

b. al-Gharimun

Asnaf ini dikira sebagai golongan baharu yang agihan zakat dilaksanakan kepada mangsa bencana. Beberapa cadangan bentuk skim bantuan diberikan terutama selepas berlaku bencana seperti;

i. Skim Baik Pulih Rumah Mangsa Bencana

- Nilai kerosakan kurang <RM45000
- Diberi secara one off dan segera (keadaan mangsa bencana kekal berada di kediaman tetapi memerlukan pembaikan segera kediaman seperti atap rumah yang rosak akibat angin/ribut taufan)

ii. Bantuan Asas Sekolah Pasca Bencana

- Pakaian sekolah, beg sekolah, alat tulis

iii. Bantuan Modal Awal Perniagaan Pasca Bencana

iv. Kupon Pakaian Harian Pasca Bencana

v. Bantuan Asas Mahasiswa Pasca Bencana

c. Ibn al-Sabil

Untuk asnaf ini, cadangan skim bantuan adalah tertumpu pada ketika bencana berlaku. Berikut adalah cadangan skim bantuan mengsa bencana;

i. Skim Bantuan Makanan Ketika Bencana

ii. Makanan dan minuman disediakan oleh skuad katering LZNK

- Tempoh sepanjang pusat pemindahan bencana dibuka

iii. Kit Keluarga Ketika Bencana

- Pakaian asas, selipar, stokin, tuala

iv. Kit Keperluan Asas Bayi Ketika Bencana

- Botol susu, tisu basah bayi, tuala

v. Kit Perubatan Ketika Bencana

- Vitamin C, paracetamol, minyak gamat, balm.

d. Muallafah Qulubuhum

Untuk asnaf ini pula, diberikan kepada orang bukan Islam dan yang baharu memeluk Islam meliputi semua skim yang sedia ada sama ada ketika bencana berlaku mahupun selepas bencana berdasarkan kebijaksanaan pihak pengurusan zakat.

### Jadual 1.2

#### *Model Skim Bantuan Baharu Mangsa Bencana*

Bil	Asnaf	Penambahbaikan Skim Bantuan Sedia Ada		Cadangan Skim Bantuan Baharu	
		Semasa	Selepas	Semasa	Selepas
1	Fakir dan Miskin	1.Kit makanan RM50  -Produk sedia dimakan	1.Bantuan sara hidup RM300  2.Pembinaan rumah RM43000	1.Kit makanan dinaikkan kepada RM150  -Produk sedia dimakan	-Bantuan sara hidup dinaikkan kepada RM500  -Pembinaan rumah dinaikkan kepada RM60000
2	al-Gharimun				<p>1.Skim Baik Pulih Rumah Mangsa Bencana</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nilai kerosakan kurang &lt;RM45000</li> <li>- Diberikan secara one off dan segera (bencana rebut taufan)</li> </ul> <p>2.Bantuan Asas Sekolah Pasca Bencana</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Pakaian sekolah, beg sekolah, alat tulis</li> </ul> <p>3.Bantuan Modal Awal Perniagaan Pasca Bencana</p>

		4.Kupon Pakaian Harian Pasca Bencana
		5.Bantuan Asas Mahasiswa Pasca Bencana
3	Ibn al-Sabil	<p>1.Skim Bantuan Makanan Ketika Bencana</p> <p>-Makanan dan minuman disediakan oleh squad katering LZNK</p> <p>-Tempoh sepanjang pusat pemindahan bencana dibuka</p> <p>2.Kit Keluarga Ketika Bencana</p> <p>-Pakaian asas, selipar, stokin, tuala</p> <p>3.Kit Keperluan Asas Bayi</p> <p>Ketika Bencana</p> <p>-Botol susu, tisu basah bayi, tuala</p> <p>4.Kit Perubatan Ketika Bencana</p> <p>-Vitamin C, paracetamol, minyak gamat, balm.</p>
4	Muallafah Qulubuhum	Semua skim yang sedia ada, dicadangkan penambahbaikan dan skim baharu boleh diagihkan di bawah asnaf ini berdasarkan kebijaksanaan pihak pengurusan zakat.

## KESIMPULAN

Peranan kewangan sosial Islam sangat penting kerana berpotensi sebagai elemen penyelesaian. Kewangan sosial Islam yang dimaksudkan adalah zakat (Hossain, 2012; Bush, 2015). Zakat adalah kewajipan agama berdasarkan Syariah (undang-undang Islam) (Hassana dan Noor, 2015; Saad, et al., 2014). Dalam konteks ini, peranan kerajaan termasuk penubuhan undang-undang

dengan pihak berkuasa perundangan dan penyediaan peraturan teknikal untuk mencapai pengurusan zakat yang optimum. (McGee, 1998; Muhammad dan Saad, 2016; Alia, et al., 2014) Selain itu, kerajaan juga membenarkan penubuhan agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pengawasan zakat untuk memastikan pelaksanaan tugas-tugas yang ditugaskan oleh agensi tersebut (Duka, 2013).

Keseluruhannya, didapati pengagihan zakat yang terperinci dan komprehensif dapat membantu golongan asnaf untuk keluar daripada kemiskinan dan keperluan yang semestinya dipenuhi dalam hidup. Hal ini kerana bantuan zakat yang disalurkan tidak hanya tertumpu dalam tempoh jangka pendek, malah memberi fokus kepada jangka masa panjang. Penyaluran zakat kepada golongan tertentu juga dapat mengelakkan bantuan yang disalurkan tersasar kepada kumpulan yang bukan sasaran. Seterusnya menyebabkan penyaluran zakat adalah lebih efisien dan adil.

Dalam konteks pengurusan bencana di Malaysia melibatkan bantuan kepada mangsa yang terlibat dengan suasana kecemasan dan kerosakan harta benda, zakat perlu berperanan semaksimum mungkin. Penanda arasan klasik daripada pandangan ulama mazhab dan juga keperluan kontemporari jelas menunjukkan bahawa agihan zakat boleh dikembangkan melibatkan beberapa asnaf. Asnaf tersebut ialah fakir, miskin, *al-Gharimun*, *Ibn al-Sabil* dan *Muallafah Qulubuhum*. Bagi memenuhi keperluan ini, asas bagi satu model agihan zakat yang komprehensif dibangunkan untuk diteliti dan diterapkan serta dilaksanakan sama ada melibatkan peringkat polisi, pekeliling, garis panduan mahupun amalan operasional pihak berwenang agama Islam khususnya yang melibatkan urusan zakat.

## PENGHARGAAN

Dapatkan bagi artikel yang diterbitkan ini adalah daripada hasil kajian di bawah pembiayaan Institut Peyelidikan dan Pengurusan Zakat (IPIZ) Universiti Utara Malaysia (UUM) – Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bertajuk “Model Agihan Komprehensif Zakat Terhadap Mangsa Bencana Di Negeri Kedah Berasaskan Penanda Arasan Klasik Dan Kontemporari” dengan kod s/o: 14107.

## RUJUKAN

- al-Abadi, al-'Azim (1979). *'Aun al-Ma'bud Syarah Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Alia, N. N., Tahaa, R., Embong, M. R. & Nor, M. N. (2014). Developing a multidimensional performance of Zakat collection system in east coast region. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 164, 84-90.
- Bank Dunia. (2013). Measuring poverty. Dicapai pada Mei 25, 2019 daripada <https://www.worldbank.org/en/topic/measuringpoverty>.
- Bush, R. (2015). Muhammadiyah and disaster response: Innovation and change in humanitarian assistance. *Natural Disaster Management in the Asia-Pacific*, 33-48.
- DOSM/DOSM.KEDAH/1.2020/SIRI 79, 2020

- Duka, S. (2013). The role of government in optimizing of Zakat management at Mamuju district province West Sulawesi. *Journal of Economics and Sustainable Development*, 4(18), 134-140.
- Fathullah Asni. (2021). Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat oleh MAIPs Ketika Covid-19 di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, Vol. 4 (2), 1-13.
- Habibah Abdul Wahid, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli. (2015). *Penentuan asnaf zakat kepada mangsa banjir di Malaysia: Satu cadangan*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor. (2020). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran COVID-19*. Bangi: UKM
- Hassan, M. K. (2010). *An integrated poverty alleviation model combining zakat, awqaf and microfinance*. Seventh International Conference, The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi.
- Hassana, N. M. & Noor, A. H. M. (2015). Do capital assistance programs by Zakat institutions help the poor? *Procedia Economics and Finance*, 31, 551-562.
- Hossain, M. Z. (20120. Zakat in Islam: A powerful poverty alleviating instrument for Islamic countries. *International Journal of Economic Development Research and Investment*, 3(1),
- Irsyad Al-Fatwa ke 14http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyadfatwa/irsyad-fatwa-umum/2054-14
- al-Jauziyyah, Ibn Qayyim (1998). *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khair al-'Ibad*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Khin, Mustafa & al-Bugha, Mustafa (2000). *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Laporan Tahunan NADMA 2018
- McGee, R. W. (1998). The ethics of Tax evasion in Islam: A comment. *Journal of Accounting, Ethics and Public Policy*, 1(2).
- Mohd Anuar Ramli, Habibah Abdul Wahid, Mohammad Naqib Hamdan & Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli. (2017). *Golongan mangsa banjir di Malaysia: Antara perluasan tafsiran asnaf fi-sabilillah dan ibn al-sabil*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Anuar Ramli, Habibah Abdul Wahid & Muhammad Ikhlas Rosele (2015). *Penentuan Asnaf Zakat Kepada Mangsa Banjir Di Malaysia: Satu Cadangan*. Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015. Kuala Lumpur: APIUM.
- Mohd Noor Daud & Halim Ismail. (2017). Agihan Zakat Terhadap Asnaf Al-Ghārimīn Menurut Pandangan Ulama dan Amalan Masa Kini. *Jurnal Perspektif*. Special Issue (1) 2017, 1-12.

أحكام العبادات. Mohd Izzuddin bin Mohd Noor & Mustafa bin Mat Jubri Shamsuddin. (2018). *الخاصة بالمتضررين من الفيضانات: دراسة فقهية تحليلية*. International Journal of Fiqh and usul Fiqh Studies (IJFUS). Bil. 2, Special Edition, 7-22.

Muhammad, S. A. & Saad, R. J. (2016). Moderating effect of attitude toward Zakat payment on the relationship between moral reasoning and intention to pay Zakat. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 219, 520-527.

Nurfitriyah Salihah Shaharin, Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof & Mohd Ashrof Zaki Yaakob. (2021). Analisis Agihan Zakat di Lembaga Zakat Selangor Semasa Pandemik Covid-19. *Perdana International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, Vol.11 (1), 1-10.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). (2012). *Ending poverty*. Dicapai pada September 5, 2019 daripada <https://www.un.org/en/sections/issues-depth/poverty/>.

al-Qaradawi, Yusuf (1973). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Saad, R. J., Abdul Aziz, N. M. & Sawandi, N. (2014). Islamic accountability framework in the zakat funds management. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 164, 508 - 515.

Siti Fariza Fisal. (2015). Kedudukan mangsa banjir sebagai penerima zakat dan cadangan pengaplikasiannya di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 8, 109-123.

Siti Fariza Muhammad Fisal (2015) Agihan Zakat Mangsa Banjir: Kaedah Fiqh Dan Penentuan Kadar Bantuan. Dalam E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015 Isu Kontemporari Agihan Zakat Di Malaysia.

Siti Fazira M.F, Hasanah A.K., Irwan M.S. & Azman A.R. (2016). Aplikasi Kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha Dalam Agihan Zakat Untuk Mangsa Banjir. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 8, 79-90

al-Tabari (1994). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aayi al-Ahkam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

al-Zuhayli, Wahbah (1996). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

<http://portalbencana.ndcc.gov.my/Portal/Disaster/StatsByNoOfEvent>: 22 Mei 2018

[https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&bul\\_id=OVByWjg5YkQ3MWFZRTN5bDJiaEVhZz09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUU](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&bul_id=OVByWjg5YkQ3MWFZRTN5bDJiaEVhZz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUU) 6 November 2020

[https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctheme&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWV SZklWdzQ4TlhUUT09&bul\\_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjdz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctheme&menu_id=L0pheU43NWJwRWV SZklWdzQ4TlhUUT09&bul_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjdz09) 6 November 2020

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2054-14> 2 November 2020

Temubual Pegawai Jabatan Kebajikan (JKM) Masyarakat Cawangan Kedah pada 19 Mac 2019

Temubual Pegawai Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada 21 Feb 2019

Temubual Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Cawangan Kedah pada 25 November 2018 APM

Wahbah al-Zuhaili. (2005), *Fiqh dan perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.